

#KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA



Tuanku Muhriz (tengah) turut berangkat mencemar duli pada majlis berkenaan.



Antara pengunjung yang hadir menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Sembilan.

# 10,000 orang banjiri padang MBS

Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 peringkat Negeri Sembilan meriah

Oleh NORAFIDAH ASSAN SEREMBAN

Sambutan Hari Kebangsaan 2022 peringkat Negeri Sembilan kembali meriah setelah dua tahun ditangguh berikutan pandemik Covid-19 apabila kira-kira 10,000 pengunjung membanjiri padang Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Murnawir serta Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud turut berangkat mencemar duli pada majlis berkenaan.

Keberangkatan baginda berdua disambut oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Dr Razali Ab Malik.

Selain itu, hadir sama ialah Datuk Syahbandar, Datuk Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin dan barisan kepimpinan kerajaan negeri.

Sebanyak 81 kontinjen merangkumi 5,000 peserta menyertai perbarisan pada majlis kali ini terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan institusi pengajian

serta syarikat swasta.

Istiadat Kawalan Kehormatan Utama tersebut terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat daripada Batalion ke-15 Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mejar Muhammad Asyraf Nazarudin; Pegawai Panji-Panji, Letenan Mohd Amir Suhaimi dan Sarjan Mejar Rejimen, Pegawai Waran 1, Zazulamin Zulkiffi.

Istiadat Kawalan Kehormatan Utama dilirungi oleh Pancaragam Gabungan Pusat Latihan Tentera Darat (Pusasda) dan Batalion ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja yang dipimpin oleh Drum Major, Sarjan Azuan Zakaria.

Antara iringan muzik yang dimainkan adalah lagu *Perajurit Tanah Air*, *Gagah Setia*, *Darah Satria* dan lagu-lagu patriotik

bagi menyerikan lagi majlis penuh warna-warni ini.

Perarakan turut menyaksikan aset artileri Tentera Darat Malaysia (TDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Turut diadakan bacaan ikrar Rukun Negara diketuai oleh Aminuddin, manakala doa dibacakan Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad.

Persembahan lain turut diadakan selari tema 'Seutih Tiang Di Tengah Ruang' iaitu persembahan tarian, bacaan puisi oleh pelakon tempatan, Datuk Ahmad Tarmimi Siregar dan Kenchana Dewi yang diselenggarakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan (JKKN NS).



Sebahagian kontinjen perarakan yang memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2022 peringkat Negeri Sembilan pada Rabu.



Hadirin bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang.



Bacaan ikrar Rukun Negara diketuai Aminuddin.

